

Newspaper

Berita Harian

Date

21 March 2016

Pengajian maahad tahfiz dipertingkatkan

» Kerajaan rangka dasar bantu masyarakat pemahaman Islam sejati

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi memperkasakan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehubungan itu, beliau menyuarakan madrasah tahfiz di negara ini supaya turut memberikan pandangan dan cadangan kepada pembangunan DPTN dalam usaha memastikan institusi pendidikan tahfiz al-Quran terus subur di Malaysia.

"Saya sendiri akan memberikan perhatian kepada pembentukan dan pelaksanaan DPTN," katanya ketika berucap pada himpunan lebih 15,000 huffaz dan perasmian Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA Kebangsaan) di Masjid Wilayah Persekutuan di sini, malam semalam.

Majlis yang kali pertama diadakan itu turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Men-



Sebahagian daripada huffaz hadir pada majlis Himpunan Huffaz dan perasmian PINTA di Kuala Lumpur.

teri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri.

Najib berkata, kerajaan mendukung pendidikan tahfiz di negara ini dengan sebaiknya menerusi penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat sebagai unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 1966.

Pilih 8 pelajar perantis

Beliau berkata, dengan penubuhan unit itu, pengajian bidang Tahfiz al-Quran bermula di Dewan Syarahan Masjid Negara pada 1 Mac 1966 dengan lapan pelajar perantis dipilih dari negeri di Malaysia.

"Maahad Tahfiz adalah institusi tahfiz rasmi yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini menunjukkan

Najib berkata, selain membangunkan DPTN, kerajaan juga amat komited dalam memastikan semua pentadbiran negara menepati dengan kehendak yang digariskan oleh Islam.

"Pendidikan al-Quran dan tahfiz al-Quran adalah antara ramuan terpenting dalam konteks memelihara agama, sekaligus menolak tohmahan dan fitnah golongan ekstremis terhadap agama Islam yang suci ini, sama ada fitnah dan ancaman oleh ekstremis radikal mahupun ancaman pemikiran oleh kelompok pelampau liberalisme yang semakin galak melebarkan fahaman mereka dalam kalangan masyarakat kita hari ini," katanya.

Najib juga menyambut baik penubuhan persatuan madrasah dan maahad tahfiz di negeri, yang membolehkan suara dan pandangan warga institusi tahfiz diperkasakan.

Martabat bidang tahfiz

"Bagi saya, ini adalah inisiatif proaktif dan positif yang sangat membantu usaha kita memartabatkan dan meningkatkan lagi bidang tahfiz al-Quran di negara ini," katanya.

Mengenai penubuhan PINTA kebangsaan yang juga gabungan kepada PINTA negeri, Perdana Menteri mencadangkan pimpinan PINTA kebangsaan memberi tumpuan kepada isu di peringkat nasional dan antarabangsa serta sentiasa bersedia aktif melebarkan skop sumbangan kepada masyarakat, negara dan antarabangsa.

Najib turut mengumumkan kerajaan menyumbang dana RM10,000 kepada setiap PINTA negeri.

Pada majlis itu juga, 10 wakil PINTA turut diberi peluang mengerjakan haji pada tahun ini di bawah seliaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Sebelum ini, tajaan haji hanya diberikan kepada ketua kampung dan imam masjid sahaja.

“**Selain membangunkan DPTN, kerajaan juga amat komited dalam memastikan semua pentadbiran negara menepati dengan kehendak yang digariskan oleh Islam**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

betapa dekatnya pendidikan tahfiz dengan pentadbiran Kerajaan Malaysia," katanya.

Pada 1997, Maahad Tahfiz itu dinaikkan taraf sebagai satu bahagian di JAKIM.